

Sabah komited laksana SL1M

BH 03.10.2012 2

» Sedia
peluang kerja
untuk 32,000
penganggur

Oleh Suzianah Jiffar
suzianah@bharian.com.my

► Kota Kinabalu

Kerajaan negeri komited dalam menyelesaikan masalah pengangguran kira-kira 32,000 pencari kerja di Sabah termasuk belia dan graduan menerusi pelbagai program dilaksana serta diperkenalkan di negeri ini.

Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman, berkata ini termasuk melaksanakan program Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) membabitkan penyertaan sektor swasta menerusi tanggungjawab sosial korporat (CSR), bagi memastikan graduan dan belia mendapat peluang mendapat pekerjaan.

“Kerajaan negeri menyedari ramai graduan belum mempunyai pekerjaan di Sabah. Ba-



Nik Azman menyampaikan cendera hati kepada Musa selepas majlis perasmian Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) peringkat negeri di Universiti Malaysia Sabah, semalam sambil diperhatikan Dr Mohd Harun (kanan).

[FOTO MALAI ROSMAH TUAH]

gi menyelesaikan masalah itu, pelbagai program dilaksanakan termasuk mengadakan minggu kerjaya dianjurkan Pemuda Barisan Nasional (BN) di Sandakan, baru-baru ini.

“Pelaksanaan SL1M ini juga diyakini dapat membantu graduan mencari peluang pekerjaan di sektor swasta. Pada masa sama, kita harap lebih ramai pelabur datang ke Sabah sekali

gus mampu mewujudkan peluang pekerjaan kepada graduan dan belia di negeri ini.

Syarikat swasta

“Kerajaan negeri mengalu-alukan kehadiran sektor swasta di Sabah menyertai program SL1M supaya lebih ramai graduan dan belia mendapat pekerjaan,” katanya dalam sidang media selepas melancar-

kan Program SL1M di Dewan Kuliah Pusat, Universiti Malaysia Sabah (UMS), semalam.

Hadir sama, Timbalan Ketua Pengarah (DASAR) Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Nik Azman Nik Abdul Majid; Timbalan Canselor UMS, Prof Dr Mohd Harun Abdullah dan Ketua Sekretariat SK1M, Norashikin Ismail.